



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN BAS MINI GOKL DAN
PELUNCURAN LALUAN BAHARU GOKL KE-15
(PRIMA ALAM DAMAI – HCTM)

5 FEBRUARI 2024

INSTITUT LATIHAN DBKL (IDB)

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menyaksikan Perasmian Bas Mini GOKL dan Peluncuran Laluan Baharu GOKL ke-15 bagi laluan Alam Damai – Hospital Canselor Tuanku Muhriz atau HCTM UKM.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak DBKL yang terus komited dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada warga kota, terutamanya dalam

meningkatkan tahap mobiliti penduduk, meningkatkan kemudahsampaian dan mewujudkan ekosistem pengangkutan awam yang inklusif serta bersepadu di Kuala Lumpur melalui perkhidmatan pengangkutan percuma Bas GOKL.

3. Inisiatif Bas GOKL ini telah diperkenalkan bagi menggalak dan seterusnya memperkasakan pengangkutan awam di bandar raya Kuala Lumpur.
4. Dengan peningkatan tahap guna trafik yang tinggi di pusat bandar raya, fokus kini adalah bagi mengurangkan tahap kebergantungan warga kota kepada kenderaan-kenderaan persendirian, sekaligus menggalakkan penggunaan

pengangkutan awam sedia ada dengan memastikan perkhidmatan-perkhidmatan ini mudah dicapai dan selamat di setiap tempat.

5. Di samping menyediakan perkhidmatan bas "*first & last mile*" yang mudah diakses, selamat dan selesa, Kerajaan terus mengambil inisiatif dengan merancang dari semasa ke semasa bagi meluaskan lagi laluan perkhidmatan Bas GOKL dengan mewujudkan laluan tambahan untuk menghubungkan tempat tinggal di sekitar Kuala Lumpur dengan stesen sistem transit, dan juga menggalakkan pertukaran mod pengangkutan untuk perjalanan pergi dan balik pejabat

daripada mod kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Bagi mencapai hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya untuk semua, Kerajaan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 menyasarkan kadar penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga kota adalah sekurang-kurangnya 70% berbanding kenderaan persendirian sebanyak 30%.

7. Untuk mencapai sasaran ini, setiap perkhidmatan dan rantaian pengangkutan awam yang sedia ada hendaklah terus diintegrasikan dan

dibangunkan secara lebih bersepadu, dengan meningkatkan tahap *connectivity* di antara mod-mod pengangkutan, dan memastikan tahap kemudahan terbaik serta mesra pengguna.

8. Menjelang tahun 2040, kita menyasarkan sebanyak 8 daripada 10 jumlah isi rumah di Kuala Lumpur mempunyai akses dalam lingkungan 10 minit ke mana-mana stesen transit berdekatan.
9. Untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, perkhidmatan pengangkutan sedia ada hendaklah mencapai kualiti yang diharapkan oleh

pengguna, contohnya dari segi peningkatan tahap frekuensi atau kekerapan yang lebih singkat, di samping memastikan kemudahan pertukaran mod pengangkutan yang lebih berintegrasi di bawah satu hub yang sama.

10. Begitu juga bagi perkhidmatan Bas GOKL ini, Kerajaan terus komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan meluaskan laluan sedia ada kepada 15 laluan secara keseluruhannya dengan menambah tahap capaian penduduk kepada perkhidmatan ini.

11. Untuk makluman para hadirin, laluan perkhidmatan Bas GOKL sedia ada adalah terdiri daripada 14 laluan, di mana 4 laluan adalah di dalam Pusat Bandar atau *Last Mile*, manakala 10 laluan lain adalah di luar pusat bandar atau *First Mile*.

12. Laluan-laluan sedia ada ini telah menghubungkan warga kota daripada hab-hab pengangkutan ke sekitar pusat bandar seperti Bukit Bintang, KLCC, KL Sentral dan juga kawasan-kawasan tumpuan lain di luar pusat bandar seperti Bandar Tun Razak dan Bandar Sri Permaisuri.

13. Mulai 1 Februari 2024 yang lalu, perkhidmatan GOKL terus ditambah baik dengan penambahan satu lagi laluan baharu yang dinamakan laluan GOKL 15. Laluan sepanjang 20.6 kilometer ini akan bermula dari Alam Damai ke HCTM, menghubungkan kawasan-kawasan kediaman Alam Damai, Taman Desa Cheras, Taman Bukit Anggerik, Bukit Mandarina, Taman Orkid, Taman Mulia dan sekitar Bandar Tun Razak hingga ke H.C.T.M.
14. Selain itu, laluan GOKL 15 juga akan menghubungkan kawasan-kawasan yang sering menjadi tumpuan seperti Residensi PR1MA Alam Damai, Flat Taman Desa Cheras, SMK Alam

Damai, SK Alam Damai, Flat Taman Bukit Anggerik, SMK Orkid Desa, Madrasah Makarimul Akhlak, Residensi Razak Mas, Angkasa Condominium, Puncak Bayan Kondo, Kuaters Institut Pendidikan Alam Damai serta menghubungkan stesen LRT Bandar Tun Razak.

15. Bagi meningkatkan integrasi dan memastikan pengangkutan awam yang lebih sistematik, perkhidmatan GOKL 15 ini juga akan melibatkan tiga lokasi pertukaran mod pengangkutan iaitu pertukaran ke laluan GOKL 11, laluan 400 RapidKL dan Stesen LRT Bandar Tun Razak.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

16. Sebagai usaha Kerajaan menyokong inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), laluan ini juga akan menggunakan bas elektrik sebagai mod pengangkutan yang lebih mesra alam sekitar dan akan membawa gaya hidup yang lebih sihat.

17. Penggunaan Bas Mini EV bersaiz lapan meter akan digunakan di laluan baharu GOKL 15 ini, di mana pergerakan bas di laluan ini akan lebih lancar dan mudah untuk membuat pusingan terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan perumahan.

18. Buat sementara waktu, laluan ini akan beroperasi menggunakan bas elektrik 10 meter terlebih dahulu sebelum digantikan dengan bas mini elektrik yang dijangkakan pada bulan Mei akan datang.

19. Dengan penambahan laluan baharu ini, jumlah keseluruhan bas elektrik GOKL adalah sebanyak 80 buah bas, sekaligus menjadikan DBKL sebagai pihak yang paling banyak menggunakan bas elektrik di Malaysia.

20. Usaha ini sedikit sebanyak adalah seiring dengan hasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon di Kuala Lumpur sehingga 70% menjelang 2030.

Para hadirin yang saya hormati,

21. Bagi memudahkan akses pengguna kepada perkhidmatan bas percuma GOKL, saya difahamkan perkhidmatan ini juga boleh dicapai secara terus melalui aplikasi mudah alih GOKL di peranti masing-masing.
22. Dengan adanya kemudahan aplikasi mudah alih ini, saya mengharapkan lebih ramai warga kota dapat mengakses perkhidmatan ini dan dapat

menggunakannya untuk merancang perjalanan harian dengan lebih teratur.

23. Justeru, dengan perluasan perkhidmatan bas percuma ini di laluan yang strategik, maka ianya diharap dapat dimanfaatkan oleh warga kota sebagai mod pengangkutan yang utama untuk menuju ke destinasi tujuan masing-masing.
24. Di samping menikmati perkhidmatan yang percuma, setiap warga juga dapat turut bersama-sama dalam usaha mengurangkan kesesakan trafik dan merealisasikan hasrat mewujudkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang bebas karbon serta

sihat untuk didiami pada masa hadapan.

25. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan perkhidmatan Bas GOKL ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif asasnya.

26. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Bas Mini GOKL dan Laluan Baharu GOKL Ke-15 Alam Damai – HCTM.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.